

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

**F
P
N
S
3**



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Zakat di Era Digital: Potensi dan Cabaran Pembayaran Melalui Mata Wang Kripto

Norhidayah Ismail & Norhisham Ismail

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Di Malaysia, urusan pembayaran zakat adalah tidak terhad kepada pembayaran tunai sahaja, malahan pembayar zakat mempunyai pilihan lain dalam membuat pembayaran seperti pembayaran secara atas talian, aplikasi mudah alih dan dompet digital.

Transformasi teknologi digital, internet, dan teknologi maklumat yang semakin berkembang pesat ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada perkembangan dalam urusan pembayaran zakat. Kemunculan teknologi kewangan digital, terutamanya mata wang kripto, telah mengubah landskap kewangan global.

Aset digital seperti Bitcoin, Ethereum, dan pelbagai mata wang kripto lain kini digunakan secara meluas sebagai medium pertukaran dan pelaburan (Rosele et al., 2021). Dalam konteks masyarakat Islam, perkembangan ini turut menimbulkan persoalan berkaitan tanggungjawab zakat ke atas pemilikan dan penggunaan mata wang kripto. Oleh kerana zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan, adalah penting untuk memahami kesesuaian dan cabaran pelaksanaan zakat ke atas aset digital dalam persekitaran kewangan moden.



Mata wang kripto ialah aset digital yang dikuasakan oleh teknologi rantai blok dan beroperasi secara terdesentralisasi yang merujuk kepada pemindahan kuasa atau tanggungjawab dari pusat kepada pihak bawahan tanpa pengawasan mana-mana pihak berkuasa pusat (Jamil et al., 2025). Walaupun status syariahnya masih menjadi perbincangan, ramai sarjana kontemporari menerima penggunaannya sebagai harta (mal) yang sah, selagi tidak melibatkan unsur gharar (ketidakpastian), maisir (perjudian) atau riba. Oleh itu, jika nilai mata wang kripto mencapai nisab dan disimpan selama setahun (haul), ia boleh dianggap tertakluk kepada zakat seperti bentuk harta lain.

Jadual 1 menunjukkan terdapat beberapa fatwa rasmi dari badan fatwa dan mufti di Malaysia yang menyatakan hutang zakat atas mata wang kripto adalah wajib jika memenuhi syarat nisab dan haul, selagi transaksi dan penggunaan aset itu bersifat halal. Menurut Yaacob et al. (2021), mata wang kripto boleh diklasifikasikan sebagai harta simpanan atau pelaburan, dan zakat dikenakan ke atas nilainya dalam mata wang tempatan pada akhir tahun haul. Namun, ketidakpastian harga serta tahap turun naik yang tinggi menyebabkan pengiraan zakat menjadi lebih rumit berbanding aset tradisional.

Jadual 1. Hukum dan syarat zakat ke atas aset digital

BADAN FATWA / MUFTI	HUKUM	SYARAT	SUMBER
NEGERI PAHANG	Harus dipungut zakat \daripada kripto jika halal	Ikut nisab + haul	Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-4/2023
WILAYAH PERSEKUTUAN	Zakat perniagaan atas aset digital	Nisab & simpan $\geq$ 1 tahun	Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Persekutuan Kali ke-134
MUFTI PERLIS	Bitcoin & kripto = urud al-tijarah	Nilai terendah haul + keuntungan	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke - 42/2019
MAJLIS FATWA SELANGOR / LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	Aset digital wajib dizakat (simpianya dijadikan zakat simpanan/perniagaan)	Nilai melebihi nisab & haul	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 17 Ogos 2021

Antara cabaran utama dalam pelaksanaan zakat ke atas kripto adalah:

- Volatiliti Harga**
Harga mata wang kripto berubah dengan drastik dalam masa singkat. Ini menyukarkan proses penilaian semasa pengiraan zakat.
- Ketidaktentuan Hukum dan Fatwa**
Masih terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama dan institusi kewangan Islam tentang status syariah mata wang kripto.
- Kerahsiaan dan Privasi**
Salah satu ciri utama kripto ialah tahap privasi dan pseudonimiti transaksi. Ini menimbulkan cabaran dalam mengenalpasti jumlah sebenar pemilikan dan pematuhan kepada peraturan zakat.
- Ketiadaan Infrastruktur Institusi**
Kebanyakan institusi zakat belum bersedia untuk menerima pembayaran dalam bentuk mata wang kripto. Ketiadaan sistem dan teknologi sokongan menghalang pelaksanaan yang efektif.

Walaupun terdapat cabaran, teknologi blockchain yang mendasari mata wang kripto turut menawarkan potensi besar dalam pelaksanaan zakat. Blockchain menyediakan ciri ketelusan, jejak transaksi yang tidak boleh diubah (*immutable*), dan kecekapan automasi yang boleh dimanfaatkan dalam sistem pengurusan zakat. Sebagai contoh, penggunaan kontrak pintar (*smart contracts*) boleh memastikan kutipan dan agihan zakat dijalankan secara automatik dan telus berdasarkan syarat yang telah ditetapkan.

Kajian oleh Abdullah & Saiti (2020) mencadangkan model pengiraan zakat berasaskan teknologi yang mampu mengesan transaksi digital dan membuat penilaian secara langsung terhadap nilai pemilikan kripto seseorang. Selain itu, platform digital berasaskan blockchain boleh digunakan untuk menghubungkan pembayar zakat dengan institusi penerima secara terus tanpa keperluan orang tengah.





Bagi membolehkan pelaksanaan zakat dalam kripto, kesediaan institusi zakat sangat penting. Menurut Ibrahim dan Masruki (2023), institusi zakat di Malaysia masih di peringkat awal dalam memahami dan menyediakan kerangka kerja berkaitan aset digital. Kajian literatur menunjukkan keperluan mendesak untuk pembangunan garis panduan operasi, dasar keselamatan, serta latihan untuk pegawai zakat dalam mengurus zakat kripto. Di samping itu, tahap literasi kewangan digital masyarakat Islam perlu dipertingkatkan agar mereka memahami kewajipan zakat dalam konteks ekonomi digital.

Pembayaran zakat menggunakan mata wang kripto membuka dimensi baharu dalam pelaksanaan rukun Islam yang kelima. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dari aspek hukum, teknikal, dan institusi, teknologi yang mengiringi kripto juga menawarkan potensi besar dalam meningkatkan ketelusan dan kecekapan sistem zakat. Kajian lanjut diperlukan untuk membangunkan rangka kerja holistik yang menyelaraskan antara prinsip syariah dan inovasi teknologi. Pelaksanaan zakat kripto yang berkesan bukan sahaja memastikan pematuhan agama, malah boleh menjadi pemangkin kepada keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat digital masa depan.



Rujukan

- Abdullah, A., & Saiti, B. (2020). Cryptocurrency Zakat Calculation: Issues and Challenges. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(7), 1425–1441. <https://doi.org/10.1108/JIABR-11-2019-0211>
- Ibrahim, M., & Masruki, R. (2023). Institutional Readiness for Zakat Payment Using Cryptocurrency in Malaysia. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 20(1), 56–72.
- Jamil, M. W., Akhlaq, M. M., & Jahangir, H. A. (2025). Cryptocurrency In the Light of Islamic Financial Principles: Challenges and Opportunities for Shariah Compliance. *Contemporary Journal of Social Science Review*, 3(1), 2250–2258.
- Rosele, M. I., Abdullah, L. H., Che Seman, A., & Mohd Noh, M. S. (2021). *Pengenalan zakat ke atas aset digital menurut perspektif hukum Islam* (Siri Kajian AZKA No. 7/2021). Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP).